Rahsia Kekuatan Kita

Di Atas Landasan Akhlak

"Corak sesuatu bangsa ialah akhlaknya. Dari bentuk kita berlaku, bersikap, memandang dan hidup itulah nilai akhlak kita diberi. Tidaklah megah jika kita menganuti falsafah akhlak yang asing yang mana timbulnya dari keadaan dan susunan hidup manusia yang terasing dari kita sendiri" – kata Tuan Dhūlkifli dalam rencananya yang berharga ini – P.Q.

(Oleh Dzulkifli Muhammad)

Filsuf-filsuf telah mempertengkarkan soal takrif dan makna akhlak semenjak berpuluh kurun. Undang-undang akhlak adalah menjelaskan baik dan jahat serta apa-apa yang sayugia dibuat dan yang tidak. Menggariskan batasan antara baik dan jahat itu telah membawa mereka ke dalam pertarungan fikiran yang amat sengit. Tiada keputusan muktamad dapat ditimbulkan dari pertikaian pendapat-pendapat mereka itu. Soal itu masih samar dan kusut. Seolah-olah tiap-tiap masa dan tempat adalah mempunyai landasan akhlak yang bersendirian; masing-masing menurut kejadian dan keadaan golongan dan puak manusia yang hidup di dalamnya.

Soal sifat kelebihan (*faḍīlat*) dan keburukan yang terbit dari bahasan-bahasan falsafah baik dan jahat itu pun mundar-mandir di gelombang masa dibawa gelora fikiran yang tak tetap itu. Ambillah bebrapa "perkataan maknawi" – yangbermakna tetapi tidak berbenda – seperti hak, kebenaran, kewajipan, keadilan, kebahagiaan dan sebagainya dan nyatakan erti-ertinya kepada ahli-ahli fikiran dan filsuf-filsuf nescaya mereka berdolak-dalik dan berbelit-belit dalam menjawabnya. Soal itu memang sulit, tetapi penting mendapat garisan tegas di dalamnya untuk membentuk kaedah akhlak manusia.

Dengan teragak-agaknya falsafah dalam hal ini masyarakat manusia telah berjalan dan hidup dengan memakai berbagai rupa bentuk akhlak yang sesuai dengan hidup masing-masing. Bentuk akhlak itu selalunya dibentuk susunan kejadian, Kehendak, tabiat dan tujuan manusia sendiri. Contoh pendapat dan tauladan tinggi buatan filsuf-filsuf kalau pun ada mempengaruhi pembentukan itu maka iaitu terlalu sedikit dan di dalam lingkungan yang terlalu kecil. Hanyutnya akhlak manusia menurut tabiat semulajadinya itu telah menurunkan mutu kaedah-kaedah akhlak itu sendiri. Menyedari itu pertukaran nilai dan pemandangan terhadap kaedah-kaedah itu dilakukan dengan amannya: Dengan tiada catuan dan kawalan suci lagi.

Sejarah akhlak di dunia ini umumnya berupakan kemerosotan yang tak patut berlakunya seperti itu, jika direnungkan dari segi manusia mestilah memakai kaedah-kaedah akhlak yang tetap.

Pada zaman Greek Tua kita dapat melihat betapa filsuf-filsuf menggariskan kaedah-kaedah akhlak yang berpadanan dengan dasar membuat sesuatu yang baik hanya kerana iaitu baik. Agama Kristian dan Islam telah memperkenalkan

kaedah-kaedah akhlak berdasarkan zat kebaikan sebagai tujuan hidup. Ini adalah dasar akhlak keagamaan yang siuman dengan falsafah hidup yang sihat. Tetapi pada zaman akal, pada zaman kebangunan fikiran dalam kurun menengah, timbullah filsuf-filsuf yang membawa falsafah bahawa manusia adalah tujuan mutlak hidup di dunia, yang mana telah merubahkan asas akhlak kepada memenuhi kehendak manusia. Sebenarnya, dipandang dari kekarutan keadaan-keadaan masa itu dan selaput yang dicamurkan di muka agama-agama. Falsafah mereka itu ada jua baiknya. Tetapi oleh kerana tiada suatu di dunia ini yang mutlak baik, maka falsafah itulah yang menimbulkan falsafah melonggarkan ikatan akhlak dalam hidup manusia.

Landasan akhlak dikambus dengan tanah "kebebasan diri" dan "perikemanusiaan" hingga hampir lenyap. Di alam politik dan ekonomi hal ini sangat nyata kesannya. Ada juga filsuf-filsuf yang meletakkan *ḍamīr* (Conscience) sebagai pengawal akhlak manusia. Tetapi jika kita halusi dapatlah kita kesimpulan bahawa *ḍamīr* manusia tak akan dapat mengawal manusia sebab iaitu adalah sebahagian daripada kejadian am manusia yang dapat dipengaruhi keadaan dan bentuk kejadiannya sendiri.

Penderitaan akhlak lebih tenat dalam masa-masa yang akhir ini ketika timbulnya falsafah-falsafah kebendaan Karl Marx dan puak-puak yang memandang nilai sesuatu itu dari segi ada gunanya dan dari segi kemungkinan terciptanya. Di sini bukan sahaja falsafah tujuan tinggi hidup manusia seperti yang dianuti filsuf-filsuf pada zaman Greek itu menderita dan berkorban tetapi juga falsafah kebebasan dan nilai diri manusia seperti yang dianuti filsuf-filsuf moden itu pun tumbang.

Hari ini landasan akhlak manusia umumnya adalah dipengaruhi falsafah kebendaan dan kegunaan, yang mana telah menjalar dengan hebatnya ke seluruh alam. Baik dan tidaknya sesuatu perbuatan adalah diukur menurut apa hasil kebendaan dan kegunaan kepada seseorang. Manusia bukanlah menyambut bentuk akhlak seperti itu kerana berpuas hati dengan kebenarannya tetapi ialah kerana didesak oleh keadaan hidupanya zaman ini sendiri.

Sungguhpun di Timur falsafah seperti itu belum mendalam benar tetapi adalah dijangka bahawa dengan tiada mendapat rintangan benar-benar, iaitu akan mempengaruhi masyarakat kita. Boleh jadi ada baiknya kita mengambil sedikit dari falsafah itu untuk hidup kita di tengah-tengah dunia yang telah dipengaruhinya ini. Tetapi jika itu tiada ditapis langsung maka akhlak halus dan tinggi bangsa kita akan merosot dan lenyap. Kehilangan pusaka itu tak akan dapat diganti oleh falsafah kebendaan dan kegunaan itu, dan akhlak kita akan hampa dari asas-asas maknawinya yang sejati.

Cara hidup kita hari ini dalam berfikir, berbuat, memakai, menimbang dan memberi nilai akan sesuatu adalah membayangkan kesan makna bendanya.

Nilai budi telah pun nyata kekurangan ertinya di sisi kita. Ini sebenarnya sangat berbahaya. Hendak ke manakah kita menerpai dan memeluk falsafah Barat itu dengan tak berkawal tapis lagi? Ya! Kepentingan hidup ekonomi dan politik adalah memaksa kita memberi perhatian kepada falsafah ini tetapi itu tidak memaksa penerimaan bulat-bulat. Mungkin suatu *Synthesis* antara falsafah benda dan falsafah budi kita akan menimbulkan satu garisan akhlak yang baik untuk hidup kita. Tetapi dilihatkan dari kekuatan pengaruh falsafah itu di jiwalah manusia moden ini adalah dikehendaki benar-benar kebijaksanaan cukup dan pencampuran berhati-hati untuk menerbitkan hasil yang baik itu. Itupun jika mungkin.

Banyak dari kita mungkin berfikir bahwa "sintesis" itu akan datang dengan sendirinya walaupun kita bersikap tak ambil hirau dalam proses bentukan akhlak umum

Sambungannya pada muka 35

Kusir menjawab: “Bukan masuk angin, pak! Tetapi keluar angin”.

Apabila tuan hendak mencari hikmah, falsafah, tawhid, tasawwuf, faham baharu dalam hal Islam, apabila tuan hendak mencari kitab yang selalu terbuka, datanglah ke rumahnya, dengarlah bicaranya.

Bagi saudara-saudara di Tanah Melayu adalah satu hal yang akan mengubat hatinya; dahulu dia memakai dasi dan pakaian Barat hanya jika keluar rumah. Tetapi semenjak pengakuan kedaulatan di Indonesia tahun 1950 beliau tetap berpakaian Melayu sepasang teluk belanga tinggi lehernya, capal dan bersamping kain sarong. Ke Amerika pakaian itu juga yang dipakainya.

Bagi kita orang Islam, terharulah kita melihat muka rumahnya terletaklah cap tandatangannya. Berbentuk bulat: Di pinggir nama “Ḥāji A. Salim” dengan huruf rumi di tengah Ḥāji Agus Salim dengan huruf Arab. Sebelah atas 7.8. 1945 (hari kemerdekaan) dan di bawahnya hadith Nabi: *Qul amantu billāh thummastaqīm*.

Di ruang tengah tertulislah ayat al-Quran dengan air emas: “*Fa law la iha dakhalat jannatuka qultu mā shā Allāh lā quwwata illa billāh*”.

Pada masa malam peringatan itu, ketika saya bersalam hendak berpisah dia bertanya: “HAMKA! Cubalah cari dalam hadith, bolehkah memuji orang yang masih hidup? Saya terlalu banyak dipuji malam ini!” Lalu saya menjawab: “Itu bukan puji, bapak! Itu adalah doa”. “Amīn!”

Mulai tanggal 8 Oktober 1954 itu, hari genap usianya 70 tahun. Dia meletakkan jawatan dari pekerjaan pemerintahan, Penasihat Kementerian Luar Negeri. Dan mulai bulan November hadapan diterimanyalah permintaan menjadi mahaguru (profesor) “di Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri” (P.T.A.T.I.N) di Jogjakarta.

Pada malam peringatan itu dia berkata: “Meskipun usiaku telah genap 70 tahun hari ini, namun saya masih belum pernah merasa diriku tua. Jiwaku masih tetap muda. Mahu atau tidak mahu, sisa umurku ini akan kupergunakan mengajar dan menyiarkan agama Islam kepada angkatan depan yang akan menggantikan daku kelak. Semoga Tuhan kabulkan.”

Ḥāji Agus Salim dia bukanlah orang Minangkau, atau Melayu sahaja, dia adalah orang Indonesia. Dia bukanlah lagi orang Indonesia sahaja, tetapi orang dunia. Dan dia bukan lagi orang dunia sahaja, tetapi orang Islam yang taat dunia dan akhirat. Semoga Tuhan panjangkan usianya lagi.

Sambungan makalah “Landasan Akhlaq” dari muka 9

kita masa depan itu. Fikiran itu benar; tetapi jika hasil seperti itu yang kita harapkan berertilah kita telah mati sebelum ajal. Kesan falsafah benda dan kebendaan adalah terlalu kuat untuk dibiarkan. Jika kita masih ingin memakai kebudayaan, akhlak dan sikap hidup ayang bersendirian dan berhubungan dengan pusaka datuk nenek kita di lapangan itu adalah penting kita sekarang bersikap giat “membuat pemerkasaan akhlak dengan pematutan dan pemadanan kebudayaannya.”

Corak sesuatu bangsa ialah akhlaknya. Dari bentuk kita berlaku, bersikap, memandang dan hidup itulah nilai akhlak kita diberi. Tidaklah megah jika kita menganuti falsafah akhlak yang asing yang mana timbulnya dari keadaan dan susunan hidup manusia yang asing dari kita sendiri.

Orang-orang yang tak tahukan usul asal akhlak bangsa Melayu yang Islam tentulah menyangka iaitu tak sejajar dengan hidup moden. Tetapi kita tak ingin melayani orang yang tak tahu itu. Sebab akhlak kita tak kurang nilai zatnya dari mana-mana akhlak hidup manusia di dunia ini.